

13 DEC 1998

Mahathir-Pindaan

MAHATHIR: PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO UNTUK KEKAL DEMOKRASI DALAM PARTI

KUALA LUMPUR. 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pindaan perlembagaan Umno yang dibentangkan hari ini perlu dibuat untuk melindungi parti daripada kemungkinan kebebasan demokrasi dalam parti disalahgunakan.

Pindaan-pindaan itu diharap dapat menghalang amalan dan kemungkinan urusan Umno, termasuk pemilihan pemimpin dalam parti, memecah-belah dan melemahkan parti, kata Presiden parti pada ucapan dasar perhimpunan agung khas Umno untuk meminda perlembagaan parti di sini hari ini.

Sebanyak enam belas perkara dalam perlembagaan parti termasuk memansuhkan 10 undi bonus dibentangkan pada perhimpunan agung khas sehari itu.

"Pindaan-pindaan ini telah diteliti dengan rapi tetapi percayalah perlembagaan (semata-mata) tidak akan menjamin kewibawaan parti, atau pengekalan parti. Yang dapat menjamin kewibawaan dan pengekalan parti ialah kefahaman dan kebijaksanaan ahli-ahli parti dalam menggunakan perlembagaan yang diluluskan.

"Jika kita semua (anggota Umno) dapat membentuk budaya yang mengutamakan kepentingan parti dan matlamatnya maka akan berkesanlah perlembagaan yang kita akan luluskan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata budaya yang dimaksudkan ialah budaya yang mengutamakan perjuangan parti dan bukan kepentingan calon-calon tertentu.

Katanya mungkin ada anggota parti yang berpendapat bahawa calon mereka begitu baik sehingga jika ianya gagal maka akan gagallah parti.

"Mungkin benar. Tetapi jika dalam usaha untuk menjayakan calon berkenaan, parti dikorbankan maka ketaksuban kepada calon tidak akan mendatangkan apa-apa hasil.

"Yang penting ialah kita tidak keterlaluan dalam usaha menjayakan calon kita, dan jika ia gagal maka hendaklah kita sanggup menerima calon yang dipilih oleh majoriti," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapannya selama kira-kira 30 minit itu menasihati anggota Umno supaya merapatkan semula barisan parti selepas pemilihan dibuat sehingga tidak ada renggang yang membenarkan musuh mencelah.

"Ketegangan semasa pemilihan hendaklah dilupakan dan tumpuan hendaklah diberi kepada menjayakan matlamat parti.

"Ingat dalam parti tidak ada kawan yang kekal, tidak ada musuh yang kekal," katanya.

Belum tentu dalam pemilihan akan datang para anggota parti akan sokong calon yang sama seperti kata perpatih: "Sekali air bah, sekali pantai berubah."

Dr Mahathir mengingatkan anggota parti bahawa Umno bukan sebarang parti.

"Umno adalah teras dan tunjang kepada parti memerintah, iaitu BN (Barisan Nasional).

"Lemah Umno, lemahlah BN; lemah BN, lemahlah kerajaan Malaysia dan lemah kerajaan Malaysia maka terjajallah Malaysia." tegasnya.

Beliau berkata demokrasi adalah sistem politik yang terbaik yang biasa dicipta oleh manusia. Tetapi seperti dengan ciptaan manusia yang lain, demokrasi ada kelemahannya, bahkan keburukannya.

Baik buruknya demokrasi bukan bergantung kepada sistem atau perlembagaan atau aturan peraturan.

"Baik buruknya demokrasi bergantung kepada pengamal demokrasi sendiri.

Jika pengamal demokrasi cekap dan tahu batasan-batasan demokrasi, tahu keburukannya maka pengamalan demokrasi akan membawa kebaikan, " katanya.

Sebaliknya, beliau mengingatkan bahawa jika pengamal demokrasi hanya asyik dengan kebebasan yang diberi dan dengan itu tidak menghiraukan bahaya kebebasan ini, maka demokrasi akan memusnahkan pengamalnya sehingga mereka tidak mungkin dipulih lagi.

-- BERNAMA

SJA RON